

**BALE GAMBANG-BARUK SEBAGAI PUSAT ADAT, PERAYAAN
DAN SOSIALISASI BIDAYUH SARAWAK**
*Bale Gambang-Baruk Centre of Customs, Ceremonies and
Socialization of The Bidayuh People of Sarawak*

¹CHALI UNGGANG

²AWANG AZMAN AWANG PAWI

^{1&2}Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

¹ungangch@gmail.com; ²*awangazman@um.edu.my

Tarikh dihantar: 19 April 2021/ Tarikh diterima: 21 Mei 2021

Abstrak Institusi *bale gambang-baruk* iaitu sebuah institusi penting yang berperanan sebagai pusat perayaan dan menjadi sumber dalam konteks sosialisasi, selain sebagai pusat ritual dan pemujaan, amalan mistik dan perbomohan, serta benteng pertahanan kampung tradisi dalam kalangan etnik Bidayuh, Sarawak. Objektif kajian ini bertujuan untuk menilai fungsi dan peranan institusi *bale gambang-baruk* sebagai pusat adat, pusat perayaan dan pusat sosial tradisional masyarakat Bidayuh. Aspek ini akan melibatkan penelitian perayaan tradisional dan proses ritual yang diadakan. Metodologi penyelidikan kualitatif digunakan dengan pengumpulan data dibuat menggunakan sumber premier, iaitu melalui kajian penulis di lapangan, dengan penyelidikan secara penglibatan dan pemerhatian di beberapa buah kampung Bidayuh, iaitu di Kampung Gumbang, Kampung Opar dan Kampung Pichi yang masih mengekalkan amalan ini walaupun mengalami arus pemodenan. Hasil kajian yang dilakukan ini membuktikan *bale gambang-baruk* masih dijadikan sebagai pusat adat, perayaan dan sosialisasi Bidayuh. Hal ini dilakukan sebagai kesinambungan budaya tradisi walaupun terdapat beberapa bentuk yang terdapat dalam perayaan ini mempunyai unsur-unsur modenisasi. Misalnya, penglibatan wakil rakyat, agensi kerajaan dan badan budaya masyarakat Bidayuh sendiri. Dalam konteks kontemporari ini, ia menjadi sebahagian daripada produk pelancongan etnik Bidayuh khususnya dan Sarawak amnya. Ternyata institusi *baruk* memberikan ruang kepada penglibatan dan kesedaran dalam masyarakat Bidayuh untuk mengekalkan identiti dan memartabat warisan mereka yang kian pupus oleh proses globalisasi.

Kata kunci: *Bale gambang-baruk*, pusat adat, perayaan, sosialisasi, identiti Bidayuh.

Abstract *Bale gambang-baruk institution is an important institution as a center of celebration and a resource in the context of socialization, as well as a center of ritual and worship, mystical practices as well as a traditional village fort among the Bidayuh ethnic group in Sarawak. The objective of this study is to evaluate the function and role of the bale gambang-baruk as a centre of cultural and traditional festival social centre of the Bidayuh community. This aspect will involve the study of traditional celebrations and ritual processes held in the bale gambang-baruk. Qualitative research methodology is used with data collection made using premier sources, namely through the author's study in the field, with research by involvement and observation in several Bidayuh villages, namely in Kampung Gumbang, Kampung Opar and Kampung Pichin which still uphold these practices despite the currents of modernization. The results of this study prove that bale gambang-baruk is still used as a centre for Bidayuh customs, celebrations and socialization. This is done as a continuation of traditional culture although there are some forms found in this celebration contain elements of modernization. For example, the involvement of elected representatives, government agencies, and cultural bodies of the Bidayuh community itself, in the effort to preserve and promote this institution. In this contemporary context it has become part of the tourism products of the Bidayuh ethnic in particular and Sarawak in general. Apparently, the new institutions provide space for involvement and awareness in the Bidayuh community to maintain their identity and dignify their heritage which is becoming extinct by the process of globalization.*

Keywords: *Bale gambang-baruk, centre of culture, celebration, socialization, identity of the Bidayuh.*

PENGENALAN

Etnik Bidayuh di Sarawak terbahagi kepada empat subetnik, iaitu *Bukar-Sadong* kumpulan terbesar di Daerah Serian dan mempunyai 132 buah Kampung. Husaini (2000: 42)¹ menyatakan kumpulan kedua terbesar ialah *Bipero*, kebanyakannya terdapat di kawasan pedalaman dalam Daerah

Kuching, mempunyai 81 buah kampung. Kumpulan ketiga ialah Bau-Jagoi, kebanyakannya terdapat di Daerah Bau dan mempunyai 43 buah kampung. Kumpulan keempat dan yang terkecil ialah *Selako-Lara*, yang terdapat di Daerah Lundu dan mempunyai 41 buah kampung. Masyarakat Bidayuh merupakan kumpulan etnik yang keempat terbesar di Sarawak selepas Iban, Cina dan Melayu. Statistik tahun 2020 menyatakan jumlah kumpulan etnik Bidayuh adalah seramai 226,000 orang atau mewakili 8.40 peratus daripada penduduk Sarawak. (Economic Planning Unit Sarawak Report. (2020).

Kajian ini meneliti fungsi dan peranan *bale gambang-baruk* dalam masyarakat Bidayuh sebagai sebuah institusi penting yang menjadi manifestasi kepada budaya, adat dan tradisi masyarakat Bidayuh yang semakin terhakis ditelan arus pemodenan dan perlu dikekalkan. Segala peraturan berhubung dengan kegiatan upacara, ritual, perayaan dan kepercayaan orang Bidayuh adalah perkara utama dalam survival mereka. *Bale gambang-baruk* merupakan pusat bermulanya amalan kepercayaan tradisional Bidayuh.

Bale gambang-baruk dalam kerangka pemikiran tradisional merupakan mercu tanda sesebuah kampung tradisional Bidayuh. Pada suatu ketika dahulu, ia merupakan sebuah bangunan yang mendominasi seluruh perhatian dalam kampung dan berdiri kukuh mengatasi bangunan-bangunan yang lain. Menurut masyarakat Bidayuh, *bale gambang-baruk* memainkan peranan yang penting dalam susun lapis kehidupan di sesebuah perkampungan tradisional Bidayuh (Geddes, 1957: 13). Kewujudan *bale gambang-baruk* di perkampungan Bidayuh sering diungkapkan dalam lirik *bajo* ataupun lagu rakyat masyarakat Bidayuh sebagai ekspresi diri bangsa Bidayuh terhadap keagungan dan keperkasaannya dan cerita-cerita mitos dan epik Bidayuh (Nais, 1989).

Permasalahan Kajian

Pengkaji Barat sering mengaitkan institusi *bale gambang-baruk* sebagai galeri tengkorak manusia yang diperoleh dalam ekspedisi *ngayu* atau memburu kepala manusia zaman tradisional. Pernyataan ini terdapat dalam buku dan kajian oleh Leach (1950), St. John (1862) dan Geddes (1957),

Walker (2002) dan Mac Donald (1985). Kenyataan pengkaji Barat ini membawa satu gambaran bahawa masyarakat Bidayuh adalah masyarakat yang primitif dan hal ini sebenarnya tidak benar. Sebenarnya, institusi *bale gambang-baruk* iaitu sebuah institusi penting sebagai pusat perayaan dan menjadi sumber dalam konteks sosialisasi, selain sebagai pusat ritual dan pemujaan, amalan mistik dan perbomohan, serta benteng pertahanan kampung tradisi dalam kalangan etnik Bidayuh, Sarawak. Dalam konteks pusat perayaan, ia dilakukan setiap tahun di beberapa tempat kajian dan ternyata ia adalah sebagai kesinambungan budaya tradisi walaupun terdapat beberapa bentuk yang terdapat dalam perayaan ini mempunyai unsur-unsur modenisasi. Aspek perayaan dahulu dan sekarang mempunyai perbezaan kerana kini ia melibatkan penyertaan daripada wakil rakyat, bermotif politik etnik dan penglibatan agensi kerajaan dan badan budaya masyarakat Bidayuh sendiri. Dalam konteks kontemporari ini, ia menjadi sebahagian daripada produk pelancongan etnik Bidayuh khususnya dan Sarawak amnya. Ia sebahagian daripada strategi masyarakat Bidayuh untuk mengekalkan identiti dan memartabat warisan mereka yang kian pupus oleh proses globalisasi.

Objektif Kajian

Institusi *bale gambang-baruk* iaitu sebuah institusi penting berperanan sebagai pusat perayaan dan menjadi sumber dalam konteks sosialisasi, selain sebagai pusat ritual dan pemujaan, amalan mistik dan perbomohan, serta menjadi benteng pertahanan kampung tradisi dalam kalangan etnik Bidayuh, Sarawak. Objektif kajian ini bertujuan untuk menilai fungsi dan peranan institusi *bale gambang-baruk* sebagai pusat adat, pusat perayaan dan pusat sosial tradisional masyarakat Bidayuh. Aspek ini akan melibatkan penelitian perayaan tradisional dan proses ritual yang diadakan.

Metodologi Penyelidikan

Metodologi penyelidikan kualitatif digunakan dengan pengumpulan data dibuat menggunakan sumber premier, iaitu melalui kajian penulis di lapangan, dengan penyelidikan secara penglibatan dan pemerhatian di beberapa buah kampung Bidayuh, iaitu di Kampung Gumbang, Kampung

Opar dan Kampung Pichi yang masih mengekalkan amalan in walaupun mengalami arus pemodenan.

Kajian ini bersifat kualitatif yang melibatkan kajian lapangan yang terdiri daripada wawancara informan yang mengetahui adat, proses ritual, kepercayaan tradisional dan upacara yang diamalkan di setiap perayaan tradisional Bidayuh yang terkandung dalam institusi *bale gambang-baruk*. Pada masa yang sama, kajian ini juga menggunakan kajian kepustakaan untuk melengkapkan data-data sekunder berbentuk buku, jurnal dan sebagainya.

PERBINCANGAN DAN PENEMUAN

***Bale gambang-baruk* sebagai adat, pusat perayaan dan sosialisasi yang perlu dilestarikan**

Institusi *bale gambang-baruk* ialah perkaitan antara struktur sosial dengan proses kehidupan sosial masyarakat Bidayuh. Awang Azman Awang Pawi (2001: 48) membincangkan proses struktur dan fungsi dalam kehidupan manusia sebagai “komponen bagi satu teori yang digunakan sebagai skema interpretasi sistem sosial manusia.” Brown (1980: 179), pula menyatakan bahawa konsep tersebut dapat digunakan untuk kajian penerusan dalam bentuk kehidupan sosial dan juga kajian berkaitan proses perubahan dalam bentuk sesuatu kehidupan sosial. Radcliffe seterusnya menyatakan, “upacara ialah proses sosial yang boleh dikatakan mempunyai sesuatu fungsi sosial yang tetap. Ia mempunyai kesan dalam mengatur, mengekalkan dan menurunkan sentimen sesebuah masyarakat dari satu generasi ke generasi yang lain”.

Seperti rumpun masyarakat Dayak lain di Pulau Borneo, proses upacara dalam kalangan masyarakat Bidayuh berkait rapat dengan peranan dan fungsi institusi *bale gambang-baruk* sebagai pusat perayaan dan upacara. Keramaian sosial seperti *nyarra ngirumbang*² masih menjadi amalan orang Bidayuh sehingga kini yang kukuh sebagai komponen tradisi dan amalan di setiap perkampungan tradisional Bidayuh. Persamaan dan semangat permuafakatan dalam kalangan masyarakat Bidayuh yang dipupuk

sejak era tradisional nyata sekali mampu menyatupadukan mereka. Budaya yang amat terbukti berkesan dalam konteks ini ialah tradisi *pingirih*. Amalan tradisional ini yang merupakan tradisi bertukar tenaga kerja untuk mengerjakan sesuatu aktiviti harian yang lazimnya berkaitan dengan aktiviti pertanian, mengerjakan sawah dan bendang. Tradisi dan amalan yang unik dalam kalangan masyarakat Bidayuh ini masih dikekalkan sehingga kini.

Institusi *bale gambang-baruk* dilihat sebagai pendukung adat dan undang-undang adat yang menjadi amalan dalam setiap perkampungan Bidayuh. Institusi *bale gambang-baruk* dianggap sebagai kawalan sosial masyarakat tradisional yang sistematik kalangan masyarakat yang tersusun dari segi norma dan amalannya. Adat resam dalam masyarakat Bidayuh melibatkan suatu peraturan yang tersusun dan tetap, secara keseluruhannya yang diberikan autoriti sosial, iaitu komuniti Bidayuh akan menentukan tanggungjawab setiap ahli masyarakatnya dalam komuniti itu dan mendenda ahli masyarakat yang bertanggungjawab atas perbuatan yang dilakukannya yang memudaratkan keharmonian dalam kalangan mereka.


Peraturan yang dinamakan *gatu bele natur namba da bale*³ ini pada dasarnya merupakan suatu interaksi komuniti terhadap perbuatan salah laku oleh ahlinya yang melanggar sentimen moral yang kuat dan tegas dan boleh *ngancak binua adu-adu pare*⁴ dan menimbulkan keadaan yang mengganggu kestabilan dan ketenteraman kampung. Informan kajian Temenggong Henry Sadok, 78 Temenoong Bidayuh Bahagian Serian dalam wawancara penyelidikan pada 26 Jun 2019, menerangkan bahawa salah laku yang bertentangan dengan norma dan adat resam Bidayuh akan menyebabkan suasana dalam kampung sentiasa dalam keadaan tidak tenteram serta sering diganggu oleh kuasa ghaib. Menurut Babeh Henry Bujang Sadok, perbuatan salah laku boleh mengakibatkan 'kemarahan' kuasa alam yang didasari oleh hantu jembalang, roh-roh dan semangat yang timbul daripada air, hutan belantara dan kuasa-kuasa ghaib daripada bulan, bintang dan langit. Maka, *bale gambang-baruk* dijadikan pusat amalan dan perayaan kalangan masyarakat Bidayuh.

Menurut Low (1990), institusi *bale gambang-baruk* berfungsi sebagai pusat perjumpaan umum dan berupaya memperkuat semangat permuafakatan yang sentiasa utuh dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Permuafakatan perlu dicapai sebelum keputusan diambil untuk melaksanakan sebarang aktiviti sosioekonomi penduduk kampung. Menerangkan lanjut perkara ini, Low (1990: 289) menyatakan, “*all affairs connected with the prosperity or welfare of the village, are discussed by a council of the men of the tribe, which is always held in the bale-gambang, baruk or panggah, and at which every male of the hamlet may be present... younger people paying great respect to the advice of the elders.*”

Fenomena yang dinyatakan oleh Low ini dapat dilihat pada setiap masa apabila ketua kampung memanggil mesyuarat atau ingin mengadakan perbicaraan kes-kes yang melanggar adat resam dan struktur amalan tradisi. Perkara ini dinyatakan oleh Babai Henry Bujang Sadok. Menurut beliau, ketua kampung akan mengarahkan beberapa orang untuk memaklumkan penduduk kampung dengan pukulan gong. Reaksi spontan penduduk kampung ialah mereka akan terus ke *bale gambang-baruk* untuk bermesyuarat. Sehubungan dengan itu, Grijpstra (1976: 110) yang pernah membuat kajian mengenai sosioekonomi masyarakat Bidayuh menyatakan;

Village meetings are held whenever the headman thinks there are topics to be discussed. He will inform some persons and by the words of mouth the news spreads quickly. In ancient times the fear that beating a gong invites spirits were strong. Nowadays it is often done to call people together. The meeting place is a communal building.
(Grijpstra, 1976)

Kenyataan Grijpstra di atas membawa pengertian bahawa *bale gambang-baruk* adalah satu-satunya tempat untuk mempertemukan cetusan minda dan pengertian serta permuafakatan dalam kalangan penduduk dalam usaha membangunkan kampung masing-masing. Fenomena ini masih berterusan sehingga hari ini di setiap perkampungan Bidayuh.



Sumber: Ikhsan Grijpstra, B.G. (1976).

Foto 1 Suasana dalam suatu mesyuarat diadakan dalam *bale gambang-baruk* di salah sebuah Kampung Bidayuh tradisional di Daerah Serian pada tahun 1979.

Informan Penghulu Gamin dari Kampung Pichin dalam wawancara kajian lapangan pada 29 Jun 2019 menegaskan, selain daripada fungsinya sebagai pusat percambahan minda untuk memajukan kampung, *bale gambang-baruk* juga berfungsi sebagai pusat keramaian sosial dan perayaan tradisional, suatu fenomena yang diteruskan sehingga hari ini. Setiap kali upacara dan perayaan seperti ini diadakan, *bale gambang-baruk* menjadi tumpuan. Tradisi menghimpunkan nilai-nilai budaya dan warisan yang menjadi amalan dan adat di setiap perkampungan Bidayuh menjadi kebanggaan dan pegangan orang Bidayuh. Usaha menyemarakkan dan memperkasa amalan ini menjadi tanggungjawab setiap ahli masyarakat dari segenap lapisan umur dan jantina sejak zaman berzaman.



Sumber: Ikhsan Arkib Jabatan Muzium Sarawak.

Foto 2 Membawa sajian masing-masing ke *bale gambang-baruk* untuk upacara *nyarra* sempena perayaan *Gawai Sawa* di Kampung Rayang, Serian pada tahun 1964. Upacara ini masih diteruskan sehingga hari ini.



Sumber: Foto penyelidikan *Gawai Mparing Sawa* 29 Jun 2019 di Kampung Pichin, Serian, Sarawak.

Foto 3 Perayaan *Gawai Mparing Sawa*, manifestasi fungsi dan peranan institusi *bale gambang-baruk* sebagai pusat sosial dan perayaan tradisional yang masih dikekalkan sehingga hari ini.

Pemerhatian pengkaji di Kampung Gumbang Bau pada 28 Jun 2019 dalam *Gawea Nyobbang Sowa* mendapati bahawa pada sebelah paginya orang ramai berpusu-pusu ke *bale gambang-baruk* membawa hidangan dan sumbangan yang ditetapkan oleh *Tua Gawai*. Menjelang tengah hari, masyarakat kampung berkumpul di perkarangan balai raya untuk *nyarra* (makan beramai-ramai). Tradisi *nyarra* diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka sehingga hari ini. Kanak-kanak berbaris untuk mendapatkan makanan yang disediakan untuk upacara *nyarra*. Setelah mendapatkan *pidadeg*⁵, mereka kelihatan sangat seronok dan penuh perasaan riang ria kerana turut menjayakan *gawea nyobbang* ini.

Setelah sesi *nyarra* selesai diadakan dalam balai raya kampung, penulis dijemput untuk mengikuti rombongan Yang Berhormat Encik Miro Simuh⁶, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Serembu yang diundang khas oleh masyarakat kampung. Penulis bersama-sama menuju ke *baruk*, tempat *gawea nyobbang sowa* diadakan. Suasana sangat pilu dan penulis setelah menghampiri perkarangan *baruk*. Perarakan tradisional yang bermula dari balai raya ke bangunan *baruk* diiringi dengan bunyi gong dan *sebbang* yang bertalu-talu, diselangseltikan bunyi tembakan senapang, di samping kedengaran laungan *tarrrraaaaaa... tarrrraaaaara... tarrrraaaaar...* dengan begitu bersemangat daripada setiap penjuru sepanjang perjalanan ke *bale gambang-baruk*. Rombongan penulis dijemput naik ke dalam *bale gambang-baruk* dan dengan segera diiringi untuk menyertai ritual mengelilingi *sanggar* dengan iringan paluan gong dan *sebang* yang tidak berhenti-henti.

Setelah ritual mempersembahkan sajian selesai disempurnakan, penglibatan wakil rakyat ketika itu, iaitu YB Miro Simuh diberi penghormatan untuk melakukan ritual *mabi binua* (upacara membersihkan kampung daripada sebarang bahaya), dengan membunuh seekor babi yang telah diikat dan diletak di depan *sanggar*. Beliau diberi *sangkuh* (lembing) dan dengan berhati-hati melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh *Tua Gawai* untuk membunuh babi tersebut dengan menyucuk *sangkuh* pada leher babi sehingga mati.

Setiap suara kedengaran daripada babi yang dibunuh oleh Yang Berhormat, disambut dengan laungan *taraaaaaa, taraaaaaa, taraaaaaa* sebanyak tiga kali oleh penduduk kampung yang berada dalam *baruk* ketika itu. Secara simboliknya, babi yang dikorbankan telah membawa berkat dan tuah kepada masyarakat kampung. Darah babi tersebut telah diagih-agihkan kepada beberapa pembantu tua gawai dalam mangkuk dan untuk ritual ‘mencuci’ semua yang hadir, dengan menyapu darah babi pada setiap dahi pengunjung dan peserta *gawea nyobang sowa* yang berada dalam *baruk*, termasuk penulis sendiri.



Sumber: Foto penyelidikan pada 28 Jun 2019, dalam *bale gambang-baruk* Kampung Gumbang Bau.

Foto 4 YB Miro Simuh menyempurnakan ritual *mabi binua* dengan membunuh seekor babi dengan lembing.



Sumber: Foto penyelidikan dalam *Gawea Nyobang*, Kampung Gumbang Bau pada 28 Jun 2019.

Foto 5 Peserta dalam *Gawea Nyobang Sowa* Kampung Gumbang Bau ‘mencuci’ muka dan perkakas ritual *misig minan daya*, iaitu proses pemujaan dengan darah ayam. Dipercayai perbuatan mistik ini berkuasa menghalau sebarang bahaya pada dirinya.



Sumber: Foto kajian lapangan pada 28 Jun 2019.

Foto 6 Badan *Tua Gawea* Babai Anyan basah dengan percikan darah ayam dalam ritual *piriang tibu* oleh seorang bomoh terkemuka di Kampung Gumbang sempena *Gawea Nyobang*.

Gawea nyobbang sowa berakhir dengan tarian simbolik ritual *ngaddah baak* (membawa kepada manusia) di *awah baruk*. Penulis berkesempatan turut serta dalam tarian simbolik ritual *ngaddah baak* ini, diketuai oleh Babai Anyan dan beberapa orang pembantunya. Tarian ini secara simboliknya menggambarkan perasaan riang masyarakat kampung menyambut *dari pimagan* (wira-wira kampung) kerana berjaya membawa kepala manusia yang diperoleh dalam ekspedisi memburu kepala atau dalam pertempuran yang berakhir dengan serangan dan keganasan. Laungan *taraaaaaaaaaaaaaa, taraaaaaaaaaaaaaa, taraaaaaaaaaa*, berkumandang di udara dengan iringan paluan *sebbang* dan bunyi gong yang bertalu-talu, seakan-akan suasana pada ketika itu dirasai Kampung Gumbang Bau sahaja kembali daripada medan peperangan.



Sumber: Foto penyelidikan dalam *Gawea Nyobbang*, Kamoung Gumbang Bau, 28 Jun 2019.

Foto 7 Kemuncak *gawea nyobbang* berakhir dengan tarian mengelilingi awah, ritual simbolik menyambut roh-roh tengkorak yang bersemadi dalam *baruk*.

Perkara menarik dalam *gawea nyobbang sowa* ini ialah penyertaan aktif para remaja dan kanak-kanak dalam perarakan tradisional dan tarian ritual *nantang sanggar* di dalam dan luar bangunan *baruk*. Mereka kelihatan sangat bersemangat dan merasa terpacu untuk bersama dalam setiap aktiviti dan proses ritual yang disempurkan sepanjang perayaan tradisional

ini diadakan, lengkap berpakaian tradisional Bidayuh, sesuai dengan suasana dan upacara yang disempurnakan. Ketua Kampung Atok Derop memaklumkan bahawa penyertaan para remaja dan kanak-kanak sangat membanggakan pada setiap tahun. Menurut beliau, mereka bukan sahaja turut serta dalam proses ritual dan perarakan, malah membantu menyediakan makanan secara bergotong-royong di balai raya dan dalam *baruk*. Semangat yang ditunjukkan menjadi penggerak dan tonggak kekuatan kepada usaha menjadikan bukan sahaja *gawea nyobbang sowa*, bahkan semua aktiviti kebudayaan dan sosial di Kampung Gumbang selama ini.



Sumber: Foto penyelidikan *Gawea Nyobbang*, Kampung Gumbang Bau, 28 Jun 2019.

Foto 8 Penyertaan golongan remaja dan kanak-kanak adalah manifestasi adat warisan dan budaya Kampung Gumbang perlu diteruskan oleh generasi muda suatu hari nanti.

Penelitian fenomena ini meninjau fungsi dan pengaruh perayaan dan upacara tradisional yang dikendalikan dengan ritual dan pemujaan, yang membawa impak kepada penyatuan emosi dan rohani serta pembentukan kehidupan masyarakat berstruktur lagi tersusun di Kampung Gumbang. Dalam aspek ini, Durkheim (1912) menyatakan setiap upacara mewujudkan perpaduan atau penyatuan sosial dalam sesebuah masyarakat dengan menyatakan;

“Social co-operation is needed to surround the unveiling of things sacred and of supernatural beings with solemn grandeur. The community whole-heartedly engaged in performing the forms of the ritual creates the atmosphere of homogeneous belief. In this collective action, those who at the moment least need the comfort of belief, the affirmation of truth, help along those who are in need it”.

(Durkheim, 1912: 78)

Perbincangan Durkheim (1912) ini menghujahkan bahawa upacara dan perayaan tradisional dianjurkan oleh masyarakat manusia bermatlamat untuk membentuk kehidupan yang lebih tersusun dan teratur berlandaskan peraturan sosial yang telah wujud dalam kalangan sesuatu masyarakat sejak berkurun lamanya. Dalam konteks masyarakat Bidayuh, upacara yang dilaksanakan dalam *bale gambang-baruk* seperti yang disempurkan di Kampung Gumbang, berupaya mengukuhkan hubungan masyarakat yang bersatu sehingga menjadi kumpulan masyarakat yang bersefahaman, toleransi, bekerjasama, mengekalkan tradisi bergotong-royong, aman damai dan semangat permuafakatan yang kukuh dan jitu.

Sememangnya masyarakat Bidayuh tradisional mempunyai beberapa upacara dan perayaan diadakan untuk sesuatu tujuan, hasrat dan matlamat yang menjadi amalan dan tradisi mereka. Upacara-upacara ini secara langsung telah menyatukan masyarakat Bidayuh untuk sentiasa berwaspada dan bersedia mendepani ancaman dan rintangan yang mungkin tercetus tanpa dijangka. Fenomena ini jelas didapati melalui pelbagai proses ritual dan upacara yang dilalui saban tahun, dan telah meletakkan Bidayuh pada landasan sosialbudaya yang tersusun dan kukuh. Inilah manifestasi sumbangan, peranan dan fungsi institusi *bale gambang-baruk* dalam struktur masyarakat dan budaya masyarakat Bidayuh. Sebuah institusi yang berfungsi sebagai pusat adat, budaya dan amalan tradisi Bidayuh yang perlu dikekalkan.

Walaupun masyarakat Bidayuh berada dalam persimpangan gelombang kemodenan seperti juga masyarakat lain, tetapi sebagaimana yang diperhatikan dalam setiap perayaan dan keramaian kebudayaan dan tradisional dalam setiap kajian lapangan, usaha mengekalkan nilai-nilai budaya yang autentik masih segar dan berkekalan. Pemerhatian penulis dalam upacara Gawai di Kampung Duyoh Bau pada 6 Jun 2019, mendapati

bahawa tarian dan persembahan tradisional yang memaparkan keseragaman nilai dan gerak tari masih utuh dan segar. Para remaja diberi tugas dan tanggungjawab untuk memastikan kebudayaan mereka tetap wujud dan terpelihara. Setiap tarian yang ditonjolkan dipersembahkan oleh golongan remaja yang begitu dinamik dan kreatif dalam langkah gerak tari mengikut irama gong dan gendang yang mengiringi persembahan mereka.

Mac anak Nohed⁷ yang ditemu ramah dalam kajian turut serta di Kampung Gumbang Bau sempena *Gawea Nyobbang Sowa* menyatakan bahawa beliau diberi tanggungjawab menganggotai mengetuai rombongan kebudayaan Kampung Padang Pan, Krokong Bau. Penulis terkejut setelah dimaklumkan bahawa beliau adalah pemangku ketua adat Kampung Padang Pan. Beliau menceritakan bahawa menjadi ketua adat dalam usia muda ini adalah penghormatan dan kebanggaan bagi dirinya kerana diberi kesempatan untuk mendalami dan memiliki kemahiran menyempurnakan upacara *mipis minan siyok* (ritual menghalau hantu dan syaitan), dalam *gawea nyobbang sowa* tahun ini. Beliau rasa dihargai dan teruja untuk meneruskan legasi datuknya yang pada suatu ketika dahulu merupakan *tua gawea* yang termashyur di Kampung Padang Pan, Krokong Bau.



Sumber: Foto penyelidikan dalam *Gawea Nyobang*, Kamoung Gumbang Bau, 28 Jun 2019).

Foto 9 Mac anak Nohed, 29 tahun, *Tua Gawea* Kampung Padang Pan, merupakan generasi baharu yang diberi kepercayaan dan tanggungjawab menyempurnakan *ritual mipis pisien* dengan ayam kampung.

Perhubungan manusia dengan alam ghaib dikaitkan dengan konsep alam di persekitaran mereka. Kepercayaan ini telah memberikan keyakinan untuk menggerakkan mereka merealisasikan idea yang berkaitan dengan hubungan alam dan kuasa ghaib yang terpahat dalam kehidupan mereka. Fortes⁸ (1989: 229) menggambarkan bahawa manusia sememangnya mahu menjadikan dunia ini tempat yang bererti untuk didiami. Manusia mencari sesuatu prinsip penyatuan dan survival daripada berbagai-bagai pengalaman dalam hidup termasuk mengamalkan kepercayaan mistik dan pemujaan roh.

Geertz (1983) menyatakan, upacara ritual dalam kepercayaan animisme berperanan penting sebagai model yang memberi panduan untuk manusia mengurus kehidupan seperti cara-cara berhubung dengan alam ghaib. Kenyataan ini mengukuhkan pendapat bahawa institusi *bale gambang-baruk* sememangnya adalah pusat ritual dan penyembahan kepercayaan masyarakat tradisional yang menjadi amalan dan pegangan hidup mereka. Ia dilakukan melalui interaksi dan perilaku amalan adat dan tradisi Bidayuh yang dipusatkan dalam institusi *bale gambang-baruk*. Amalan kepercayaan ini dipersembahkan melalui upacara pemujaan roh-roh tengkorak, memanggil roh-roh si mati dan upacara menghalau *muat jirong*.

Segala upacara yang berkaitan dengan pemujaan bermula daripada *bale gambang-baruk*. Perayaan ini memberikan pedoman kepada masyarakat mereka untuk bertindak dalam kerangka sosialnya. Lantas, akan mengeluarkan hasil untuk memenuhi keperluan membekalkan kemampuan untuk mengkonsepsikan yang ideal.⁹ Dikaitkan dengan amalan kepercayaan masyarakat Bidayuh, kebergantungan ini dapat dilihat dalam upacara ritual yang diadakan dalam *bale gambang-baruk* pada setiap *Gawai Mparing Sawa* (Gawai Tahunan), *Gawai Baak* (Gawai Tengkorak), *Gawai Paddi Bauh* (Perayaan Menuai) dan juga dalam *bajo*, *tabur* dan *barih* (pantun tradisional Bidayuh). Fenomena ini masih diamalkan oleh masyarakat Bidayuh di Kampung Gumbang Bau yang masih mengekalkan tradisi *gawea nyobeng sowa*. Kecenderungan ini seperti yang terdapat dalam *bale gambang-baruk* adalah manifestasi untuk memperoleh kesejahteraan, keselesaan dan keamanan diri dan masyarakat.

Peranan dan signifikan simbolisme yang terdapat dalam *bale gambang-baruk* diwujudkan sebagai pusat perayaan dan sosialisasi, pusat pemujaan dan pusat ritual, adalah proses ke arah menjalinkan perantaraan dengan dunia dan alam ghaib. Kebenaran ini jelas terbukti pada kewujudan simbolisme dalam bentuk peralatan, pemujaan, berhala, tengkorak, sajen dan *sanggar* yang terdapat dalam *bale gambang-baruk*. Signifikan *sanggar* yang menjadi wadah penyempurnaan *sajen* untuk roh-roh dibuktikan kebenarannya dengan kewujudan beberapa *sanggar* yang terdapat pada setiap penjuru yang ditetapkan untuk pemujaan roh-roh disempurnakan. Unsur simbolisme ini diwujudkan secara simbolik dalam proses ritual secara sistematik dan berstruktur yang menjadi simbol penting *tampa riyuh*, *tampa rangit*, *antu sibayan* dan juga roh-roh nenek moyang mereka. Amalan tradisional ini adalah manifestasi berasaskan fikiran yang bersifat beradab dan rasional. Sesungguhnya, inilah kebenaran yang ada pada masyarakat Bidayuh tradisional yang bertunjangkan kepercayaan mistik dan animisme yang dipelihara dan diperkukuhkan melalui institusi *bale gambang-baruk* di setiap perkampungan Bidayuh tradisional.

Atas kesedaran bahawa aspek amalan budaya masyarakat Bidayuh memberikan kesan perpaduan, mengukuhkan hubungan interaksi, maka ahli politik tempatan melihat ia dapat membantu mengukuhkan sokongan politik setempat mereka. Sesuai dengan sentimen ini, maka ADUN Kawasan Serembo YB Miro Simuh memberikan peruntukan sebanyak RM40,000.00 pada tahun 2019 untuk kerja-kerja membaik pulih dan pemuliharaan bangunan *baruk* yang lama dengan mengekalkan imej autentiknya sebagai pusat ritual dan perayaan tradisional masyarakat di Kampung Gumbang Bau (Ketua Kampung Atok Derop, temu bual, 2019). Tindakan ini adalah sokongan terhadap pemuliharaan budaya setempat dan pada masa yang sama dilihat menggunakan budaya sebagai alat politik untuk menyatukan, mendapatkan sokongan dan dukungan daripada pengundi Bidayuh, seterusnya untuk meraih kuasa dan kedudukan politik moden dengan memanfaatkan budaya etnik mereka.

Pertumbuhan aspek sosialisasi dan keperluan perayaan membawa kepada pembinaan beberapa bangunan yang mengadaptasikan seni bina *bale gambang-baruk* seperti yang terdapat di Bangunan Dewan Undangan

Negeri Sarawak, Dewan Suarah Bau, Dewan Seminar Bung Bratak Culturel Centre, Dewan Masyarakat Tebedu Serian¹⁰, Taman Rekreasi Gua Angin, Bau dan juga Pusat Rekreasi Air Terjun Ranchan Serian, Dewan Masyarakat Serian, Bangunan Gereja St. Anne Kuching dan Bangunan Ibu Pejabat Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh (DBNA).¹¹ Situasi ini menunjukkan tuntutan sosialisasi membawa kepada bukan sahaja dari aspek perayaan, malah membentuk budaya popular seperti persembahan moden bagi menarik anak muda, konsert dalam menyerikan selepas perayaan tersebut berlangsung, walaupun acara moden ini tidak semestinya diadakan dalam *bale gambeng-baruk*.

Baruk terbukti menjadi tempat agen sosialisasi sosial dalam bentuk komuniti dan politik semasa dan bersifat kepartian apabila Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia ke-5 mengadakan perjumpaan dengan masyarakat Bidayuh dalam *bale gambang-baruk* di Bandar Mutiara Tebedu pada tahun 2007 sambil beliau melancarkan tapak pembinaan SMK Tebedu. Ia menjadi medan politik etnik apabila Dato' Seri Mohammad Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia ke-6, telah dijemput sebagai Tetamu Khas dalam Majlis Gawai Dayak Peringkat Negeri Sarawak pada tahun 2015 yang dianjurkan oleh masyarakat Bidayuh di Dewan Serba Guna DBNA. Kedua-dua peristiwa ini menunjukkan bahawa institusi budaya Bidayuh kini menjadi salah satu alat penyebaran ideologi politik dan tidak lagi semata-mata sebagai tempat upacara kepercayaan tradisi Bidayuh.

Dari aspek pelancongan, konsep *baruk bale* diadaptasikan oleh pengurusan Hotel Damai Beach Resort, Santubong, Kuching apabila reka bentuk, seni bina dan estetika *bale gambang-baruk* digunakan pada setiap bangunan hotel sebagai tarikan pelancong. Institusi *bale gambang-baruk* adalah sumber material yang menggambarkan tradisi ritual kehidupan tradisional mereka. Justeru, kalau diketengahkan dalam industri pelancongan etnik tentunya ia akan membawa impak kepada identiti suku bangsa Bidayuh terhadap dunia luar seperti yang terdapat di Sarawak Culture Village.

Bagi mengukuhkan sosialisasi identiti pula, peranan pihak berkuasa tempatan di Sarawak sentiasa memastikan penggunaan seni bina tradisional *bale gambang-baruk* diadaptasikan dalam reka bentuk bangunan di sekitar

Bandar Raya Kuching, Bandar Bau dan Serian. Motif-motif dan reka bentuk arkitektur *bale gambang-baruk* dimanfaatkan pada bangunan-bangunan kerajaan bagi mendorong penggunaan budaya bentuk Bidayuh ini secara lebih meluas seperti bangunan Kompleks Dewan Undangan Negeri Sarawak, Sarawak Tourism Board Information Centre dan juga Perpustakaan Awam Majlis Daerah Bau yang terletak di Kampung Sudoh. Dewan Suarah Bau merupakan sebuah dewan suarah di kawasan Bidayuh yang memanfaatkan seni bina *Baruk* yang terletak di Pekan Bau.

KESIMPULAN

Institusi *bale gambang-baruk* mempunyai fungsi yang sangat besar terhadap masyarakat Bidayuh dalam konteks sebagai pusat adat, perayaan dan sosialisasi. Ia menjadi pusat adat iaitu sebagai amalan yang perlu dilaksanakan sebagai ahli masyarakat Bidayuh, melestarikan adat lama walaupun diadaptasi dengan kepercayaan Kristian, dirayakan secara spesifik mengikut jenis Gawai Bidayuh dan keperluan semasa seperti mengubat orang sakit dan sebagainya. Kesemua ini membawa kepada sosialisasi dalam kalangan etnik Bidayuh, iaitu proses interaksi antara individu dan kelompok masyarakat yang mampu membawa perpaduan yang lebih kukuh, bersama-sama berasa bertanggungjawab melestarikan adat dan budaya, mengukuhkan ikatan antara satu sama lain, dan akhirnya menjadi salah satu punca kuasa politik moden daripada perayaan dan dukungan adat dan kepercayaan tersebut. Ia juga kini menjadi sebahagian daripada produk pelancongan etnik Bidayuh khususnya dan Sarawak amnya. Politik budaya *bale gambang-baruk* ini wujud bagi salah satu sumber kuasa politik etnik Bidayuh dan masyarakat tempatan. Ternyata, daripada amalan budaya tradisional ia mempunyai kesinambungan dan digerakkan oleh suasana moden sesuai dengan tuntutan politik dan keperluan masyarakat kontemporari untuk mengekalkan identiti dan memartabat warisan mereka yang kian pupus oleh proses globalisasi. Hal ini dilakukan sebagai kesinambungan budaya tradisi walaupun terdapat beberapa bentuk yang terdapat dalam perayaan ini mempunyai unsur-unsur modenisasi. Misalnya, penglibatan wakil rakyat, agensi kerajaan dan badan budaya masyarakat Bidayuh sendiri. Dalam konteks kontemporari ini, ia menjadi sebahagian daripada produk pelancongan etnik bidayuh khususnya dan Sarawak amnya.



Sumber: Foto penyelidikan pada 20 April 2019.

Foto 10 Bangunan *bale gambang-baruk* di Kampung Opar, Bau yang asli dan mengekalkan ciri-ciri tradisionalnya sebagai pusat ritual pemujaan dan perayaan sehingga hari ini. Penjagaan dan pemeliharannya ditaja oleh Jabatan Muzium Sarawak.



Sumber: Foto penyelidikan pada 24 April 2019.

Foto 11 Kompleks DUN Sarawak dan Pusat Pelancongan Negeri Sarawak, di tebingan Sungai Sarawak yang mengadaptasi seni reka dan seni bina *bale gambang-baruk*, menjadi tarikan pelancong.



Sumber: Foto penyelidikan pada 24 April 2019.

Foto 12 Bangunan *bale gambang-baruk* di Kampung Gumbang yang masih dalam pembinaan di kawasan berkeluasan tanah hampir 3 ekar, menempatkan dewan serbaguna dan sepuluh buah bilik penginapan. Bangunan *baruk* yang lama akan menjadi pusat ritual dan perayaan¹².

NOTA

- ¹ Zaharah Husaini (2000: 42). *Ethnical of Sarawak's Ethnic Groups*. Ministry of Social Development and Urbanization, Sarawak Government. Kuching.
- ² Majlis keramaian, upacara dan perayaan yang wajib diraikan dalam *bale gambang-baruk* dalam masyarakat Bidayuh tradisional.
- ³ *Gatuh bale natur namba da bale* memberi pengertian bahawa setiap anggota masyarakat yang didapati melanggar norma dan amalan tradisi dalam kampung akan diadili dalam *bale gambang-baruk*. Kesalahan mereka akan diketengahkan di hadapan ketua-ketua kampung dan pihak yang mendakwa kesalahan yang telah dilakukan.
- ⁴ Membawa pengertian bahawa suasana dalam kampung sentiasa suram dan dilanda penyakit dan bencana.
- ⁵ *Pidadeg* ialah pemberian yang diterima dari *Tua Gawai* berbentuk makanan, lazimnya terdiri daripada hati ayam yang telah dimasak dan *pangkang* (lemang). Menerima *pidadeg* sungguh menyeronokkan.
- ⁶ Dia adalah generasi yang lahir dalam era modernisasi, tetapi memiliki ilmu batin yang boleh menyembuhkan penyakit tertentu. Ilmu *mipis pisien* (menghalau makhluk halus) yang dimilikinya menjadi sebutan masyarakat Bidayuh di kawasan Krokong Bau, menyebabkan Mac selalu diundang untuk menyempurnakan proses ritual ini di kampung-kampung lain.
- ⁷ Dalam bukunya *Kinship and the Social Order* menyatakan manusia mengamalkan upacara ritual dan pemujaan mungkin disebabkan kekurangan kesedaran dan penggantungan secara individu terhadap kehidupan dalam masyarakat tersusun. Amalan dalam upacara dan ritual yang dilakukan menyebabkan timbulnya emosi yang tertinggi dalam kalangan anggota masyarakat. Ia adalah landasan untuk mematuhi peraturan yang memantapkan perhubungan sosial.
- ⁸ Menurut Geertz (1973: 73), manusia terpaksa memikirkan masa depan dan meramalkan apa yang mungkin berlaku dan menyesuaikan semula pengalaman mereka yang sudah berlalu.

RUJUKAN

- Awang Azman Awang Pawi. (2001). *Kaul. Satu interpretasi sosiobudaya*. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Kuching, Sarawak.
- Brown, R. (1980). *Struktur dan fungsi dalam masyarakat primitive* (Edisi terjemahan). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Durkheim, E. (1912). *The elementary forms of the religious life*. London: Allan & Unwin Publications.
- Economic Planning Unit Satawak Report. (2020). *Sarawak Facts and figures*. Chief Minister's Office. Lee Ming Press Kuching, Sarawak.
- Fortes, M. (1969). *Kinship and the social order*. Cambridge University Aldine Publishing.
- Frazer, J.G. (1926). *A study in magic and religion*. UK: Palgrave Macmillan.
- Friedman, J. (1994). *The cultural identity and global process*. London: Sage Publication.
- Geddes, W.R. (1957). *Nine Dayak nights*. London: Oxford University Press.

- Grijpstra, B.G. (1976). *Common efforts in the development of rural Sarawak*. Amsterdam: Van Gorcum Publications.
- Geertz, Clifford. (1983). *Local Knowledge*. Basic Books Inc. United States of America.
- Husaini, Z. (2000). *Ethnic of Sarawak's ethnic groups*. Kuching, Sarawak: Ministry of Social Development and Urbanization.
- Leach, E.R. (1950). *Social Science Research in Sarawak*. London: H.M Stationery Office.
- Low, H. (1848). *Sarawak. Its inhabitants and productions*. Kuala Lumpur: Pustaka Delta Pelajaran Sdn. Bhd.
- Macconell, D. (1976). *The tourist: A new theory of the leisure class*. New York: Schocken Books.
- MacDonald, M. (1985). *Borneo People*. Singapore: Oxford University Press.
- Nais, W. (1992). *The Study of Dayak Bidayuh occult arts of divination*. Kuching: Sarawak Literature Society. Lee Ming Press Sdn. Bhd.
- St. John, S. (1860). *Life in the forests of the far east—travels in Sabah and Sarawak in the 1860s*. London: Oxford University Press.
- Walker, J. H. (2002). *Power and prowess*. Honolulu: University of Hawaii Press.

Temu Bual

- Angan anak Jikan, 78 tahun. Kampung Gumbang Bau, Sarawak.
- Atok anak Derop, 63 tahun. Kampung Gumbang Bau, Sarawak.
- Gamin anak Antung, 76 tahun. Kampung Piching Serian, Sarawak.
- Ginos anak Lumpoi, 69 tahun. Kampung Bantang Serian, Sarawak.
- Mac anak Nohed, 29 tahun. Kampung Padang Pan Bau, Sarawak.
- Sadok, Henry Bujang, 78 tahun. Kampung Mayang Kawan Serian, Sarawak.